

## NILAI ISLAM DALAM KOMIK MAJALAH DEWAN PELAJAR

MOHD SHUKREY AHMAD  
Universiti Putra Malaysia  
sshukreyahmad@yahoo.com

KAMARIAH KAMARUDIN  
Universiti Putra Malaysia  
kkamaria@upm.edu.my

### ABSTRAK

Hubungan nilai Islam dalam kehidupan manusia merentas disiplin ilmu. Didapati bahawa nilai Islam terdapat dalam karya sastera bukan sahaja terhadap genre prosa, bahkan dalam majalah dan komik. Justeru, kajian ini akan membuktikan bahawa medium komik sememangnya mengandungi nilai Islam yang dapat mendidik pembaca khususnya golongan kanak-kanak. Berdasarkan komik *Di dan Pi* serta komik *DP* dalam *Majalah Dewan Pelajar* pada tahun 2012, tahun 2013 serta tahun 2014. *Majalah Dewan Pelajar* merupakan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjadi majalah dalam kelas sejak tahun 1990 lagi sebagai bahan bacaan kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini juga dibahagikan kepada dua iaitu hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) dan hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*). Pembahagian ini merupakan pecahan utama dalam Teori Takmilah iaitu hubungan manusia dengan Allah yang bersifat *vertical* dan hubungan manusia dengan manusia yang bersifat *horizontal* sebagai asas kajian. Kerangka dalam *Ihya Ulumiddin* turut digunakan untuk mengukuhkan kajian dengan empat pecahan besar dalam kitab ini. Didapati hubungan manusia dengan Allah merangkumi bahagian peribadatan manakala hubungan manusia dengan manusia merangkumi bahagian pekerjaan sehari-hari, perbuatan yang membinasakan dan perbuatan yang menyelamatkan. Berdasarkan kajian ini nilai Islam yang terkandung dalam komik lebih menjurus kepada hubungan manusia dengan manusia berbanding hubungan manusia dengan Allah.

**Kata Kunci:** nilai Islam; komik; hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*); hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*)

## ISLAMIC VALUES IN COMIC MAJALAH DEWAN PELAJAR

### ABSTRACT

The relationship of Islamic values in our daily life across disciplines. It was found that Islamic values appearing in literary works not only on the genre of prose, even in magazines and comics. Hence, this paper will to prove that the medium of comics were contain Islamic values that can educate readers, especially children. Based on the comic *Di dan Pi* as well as comics *DP* in *Majalah Dewan Pelajar* in the comic *Majalah Dewan Pelajar* at 2012, 2013 and 2014. *Majalah Dewan Pelajar* is published by Dewan Bahasa dan Pustaka has become the magazine in class

since 1990 again as reading material for children. This study is also divided into two, namely human relationship with Allah (*habl' min Allah*) and human relationship with human (*habl' min al-Nas*) aim to provide more clarification of Islamic values. This is a main part in theory Takmilah which is human relationship toward Allah is a vertical and human relationship with human is a horizontal as the basis of this studies. The framework of *Ihya Ulumiddin* also applies to further this studies with four main part in this book. Found that human relationship toward Allah includes worship while human relationship with human covers daily work, actions that lead to destroy and rescue. Based on this study, Islamic values contained in the comic closely related to the human relationship with human compared than relationship with Allah.

**Key Words:** Islamic values; comics; relationship with Allah (*habl' min Allah*); human relationship with human (*habl' min al-Nas*)

## PENGENALAN

Medium penyampai dalam kesusasteraan Melayu bukan hanya terbatas pada genre novel, cerpen, drama dan puisi sahaja tetapi turut terungkap dalam penulisan komik. Didapati juga, terdapat karya kesusasteraan yang diolah dalam bentuk komik bagi menarik minat remaja dan kanak-kanak untuk mengenali karya kesusasteraan.

Hal ini terbukti apabila penggunaan kartun dan komik turut diaplikasikan ke dalam buku teks sekolah rendah bagi menarik minat pelajar dan meningkatkan pemahaman berkaitan subjek tersebut. Perkara ini boleh diperhatikan dalam buku teks sekolah rendah bahasa Melayu menunjukkan penggunaan kartun dan dialog seperti komik menjelaskan tentang sesuatu perkara. Dapat dipastikan surat khabar juga menyediakan ruangan kartun untuk menyampaikan mesej dan sindiran seperti akhbar *Utusan* seperti *Hello Bos* dan *Senyum Kambing*.

Menurut Siti Ezaleila Mustafa dan Shahrul Sannusi (2012: 59) memetik kata-kata daripada seorang tokoh bernama Adams (2008), terdapat kajian di United Kingdom yang menyatakan majalah dan komik berkembang pesat dengan peningkatan 72 peratus dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini dengan nilai pasaran sebanyak 136 juta setahun. Perkembangan industri penerbitan Malaysia juga semakin meningkat dengan penghasilan majalah dan komik bertujuan untuk hiburan dilihat kini tidak hanya tertumpu kepada golongan dewasa namun sudah ada penerbitan majalah dan komik untuk kanak-kanak di pasaran. Perkara ini turut disokong oleh Siti Ezaleila Mustafa dan Shahrul Sannusi (2012: 57), iaitu 80% ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) menerbitkan bahan bacaan kanak-kanak dan pendidikan sebagai aktiviti utama mereka.

Medium komik dapat menarik minat pembaca daripada pelbagai golongan khususnya generasi muda yang melihat bahan bacaan ini mampu memberikan hiburan dan bersifat santai serta menarik. Md Sidin Ahmad Ishak (2005: 117), dalam buku bertajuk *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia* menyatakan bahawa Perpustakaan Negara telah menjalankan kajian yang dilaksanakan oleh Frank Small & Associates mendapati sebanyak 79% kanak-kanak antara usia 5 tahun hingga 9 tahun sudah boleh membaca dan daripada jumlah ini hanya 56% sahaja yang mempunyai tabiat membaca. Menurutnya lagi, bahan bacaan utama kanak-kanak pada seusia ini ialah komik. Hal ini menunjukkan medium komik sebagai bahan bacaan pertama kanak-kanak yang perlu dipandang serius terhadap kualiti dan kandungannya daripada perkara-

perkara yang dapat merosakkan pemikiran anak-anak. Walau bagaimanapun, telah diketahui kemampuan medium ini dalam menyampaikan nilai Islam namun jika diabaikan isi kandungannya pasti akan memberi impak negatif kepada pembacanya.

Di samping itu, penerbitan komik juga dilihat semakin berkembang dengan wujudnya industri komik digital telah menggalakkan lagi minat membaca dalam kalangan masyarakat. Menurut Abu Hassan bin Hasbullah semasa merasmikan acara penutupan Seminar Keusahawanan Komik Digital 2013 Anjuran Jabatan Reka Bentuk Seni Digital di UMK Kampus Bachok pada 19 Mei 2013, industri komik telah membuka banyak peluang kerana banyak penerbitan dalam bidang digital malah trend pasaran komik bermula 2010 begitu rancak dan hampir keseluruhan penerbitan mula berubah secara digital dan sepanjang 2011 para penerbit telah mengumumkan penjualan komik secara digital berlaku sama dengan edisi cetakan. Ini membuktikan bahawa minat membaca dalam kalangan masyarakat turut seiring dengan perkembangan tersebut. Oleh itu, penerapan nilai Islam juga perlu ditingkatkan sebagai usaha untuk mendidik masyarakat khususnya generasi muda ke arah kebaikan. Menurut Sidek Baba (2003: 133), manusia memerlukan pedoman bagi mengetahui sesuatu itu “buruk” atau “baik”, “salah” atau “benar”, “halal” atau “haram”, “dosa” atau “pahala”, “bermanfaat” atau “musibat”. Nilai daripada Allah S.W.T diutus kepada manusia adalah untuk kepentingan manusia itu sendiri. Kegiatan penyebaran ilmu ini memerlukan suatu medium yang berkait rapat dengan masyarakat khususnya golongan kanak-kanak dan remaja. Ini kerana kanak-kanak dan remaja akan menjadi pemangkin terhadap pembangunan bangsa, negara dan agama. Penerapan ilmu bersumber Islam ini perlu dilakukan terhadap masyarakat sejak usia muda lagi seperti dalam pepatah Melayu “melentur buluh biar dari rebung” menunjukkan bahawa pendidikan dan pembentukan sahsiah diri perlu bermula seawal usia kanak-kanak.

### **DEFINISI NILAI ISLAM**

Seterusnya, tulisan ini akan menjelaskan maksud “Nilai Islam” menurut beberapa pandangan tokoh. Pertama ialah Abd. Rahim Abd. Rashid (1993: 121), menyatakan nilai yang menyentuh kepercayaan atau soal akidah, kerohanian serta cara atau amalan hidup yang baik yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat yang berteraskan kepercayaan adanya Tuhan atau Yang Maha Kuasa. Selain itu, Mohd Rosli Saludin (2007: 51) nilai Islam ialah nilai yang bukannya ditentukan oleh manusia tetapi oleh Allah S.W.T yang disampaikan kepada manusia melalui wahyu. Nilai-nilai ini bersifat mutlak, muktamad dan kekal abadi. Maka daripada pandangan tokoh di atas, jelaslah nilai Islam merupakan nilai yang telah diwahyukan kepada seluruh hamba-Nya bertujuan untuk membawa manusia ke arah kebaikan selaras dengan kehendak agama Islam.

### **DEFINISI KOMIK**

Seterusnya, dijelaskan tentang maksud “komik”. Menurut Fadzilah Abd. Rahman (2012: 31), komik sebagai “jalur kartun” yang merupakan suatu siri ilustrasi pendek kartun mengikut urutan. Manakala, Nor Azleenda Abdul Hadi (2012: 3) juga berpendapat, komik merupakan persembahan lakaran yang membawa motif tertentu, seperti sindiran, humor, kritikan sosial, dan perbincangan isu semasa secara terus terang atau secara kiasan yang mengandungi kecerdikan.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa komik merupakan lakaran yang membawa motif-motif tertentu dengan tujuan untuk menyampaikan ilmu atau menggambarkan pemikiran para pelukisnya. Berdasarkan pandangan daripada tokoh-tokoh di atas jelas difahami bahawa nilai Islam dalam komik dapat diertikan sebagai lakaran atau lukisan yang disusun bagi menyampaikan nilai-nilai kebaikan dan nasihat kepada masyarakat khususnya kepada golongan kanak-kanak dan remaja.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Penyataan masalah untuk kajian ini bertitik-tolak daripada beberapa pandangan berkaitan medium komik sehinggakan masyarakat menolak medium komik sebagai saluran yang mampu memberikan dan menanamkan nilai-nilai kebaikan kepada masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja. Ruzaini Awang (2012: 8), menyatakan bahawa terdapat golongan masyarakat yang beranggapan bahawa bahan bacaan seperti komik sebagai bahan bacaan yang bersifat picisan dan kurang bermoral. Selain, menyatakan terdapat golongan ibu bapa yang beranggapan bahan bacaan ini akan menjejaskan daya perkembangan minda anak-anak mereka. Selain itu, Yusaida Yusof dan Ruzaiti Abdul Rani (2008: 14), turut menegaskan bahawa masyarakat lebih gemar membaca bahan bacaan yang bersifat picisan seperti majalah hiburan dan komik yang tidak berupaya menambahkan ilmu pengetahuan. Perkara ini pastinya akan memberikan keraguan kepada masyarakat dalam menerima medium komik sebagai saluran yang boleh digunakan untuk membentuk generasi muda khususnya kanak-kanak.

Berdasarkan pandangan tokoh tersebut jelas memperlihatkan medium komik sememangnya tidak memberi kesan kebaikan kepada pembaca namun dipastikan dalam *Majalah Dewan Pelajar* turut mengandungi komik untuk para pembacanya malah turut menyediakan ruangan untuk kanak-kanak berkarya dalam genre ini. Menurut Fadzilah Abd. Rahman (2012: 13), kepelbagaian pendekatan menggunakan komik di negara maju berjaya melahirkan cendekiawan dalam pelbagai bidang. Hal ini disebabkan murid dididik menggunakan pelbagai medium interaktif seperti komik yang terbukti membawa kesan besar dalam proses pendidikan. Pertentangan pendapat daripada setiap tokoh ini telah menimbulkan permasalahan yang perlu diselesaikan. Di samping itu, kajian nilai Islam dalam komik dilakukan adalah kerana terdapat ruang kosong yang perlu diisi bagi membuktikan kebaikan medium komik kepada masyarakat.

### **SOROTAN KAJIAN**

Penulisan lepas berkaitan dengan komik sudah banyak dilaksanakan namun kajian komik yang mempunyai nilai Islam masih baru dan perlu diberi penekanan khusus kerana medium ini merupakan bahan bacaan pertama kanak-kanak dan tidak boleh diambil ringan. Antara tulisan yang dijadikan sorotan berkaitan kajian komik ialah Roosfa Hashim bertajuk “Bentuk-bentuk Budaya Asing dalam Majalah dan Komik Remaja di Pasaran Tempatan”. Tulisan ini diterbitkan di *Jurnal Melayu UKM Journal Article Repository* pada tahun 2012 berkaitan majalah dan komik remaja dan kanak-kanak sebelum merdeka dan era kini. Selain itu, Siti Ezaleila Mustafar dan Shahrul Nazim Sannusi bertajuk “Majalah Sebagai Bahan Bacaan Kanak-kanak: Analisis Elemen Editorial Terhadap Kuntum, E-Baca dan Ana Muslim”. Tulisan ini diterbitkan di *Jurnal Pengajian Melayu* pada tahun 2012 berkaitan kewajaran tahap pembacaan kanak-kanak


berdasarkan kandungan yang terdapat dalam majalah. Selanjutnya, sorotan ini juga tertumpu kepada kajian berkaitan nilai Islam iaitu tulisan Saniyuni Yaacob bertajuk “Unsur-unsur Islam dalam Drama-drama Noordin Hassan” merupakan tesis peringkat Ijazah Bachelo di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1998. Tulisan ini meneliti tiga buah drama iaitu *Bukan Lalang Ditiup Angin*, kedua *Tiang Seri Tegak Berlina* dan *Drama 1400*, Selain itu, sorotan juga tertumpu pada tulisan Mohd Rosli Saludin bertajuk “Nilai-nilai Islam dalam Reromba” yang telah dibukukan dan diterbitkan oleh Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd pada tahun 2007. Buku ini menganalisis nilai Islam seperti tolong-menolong, sabar, keimanan, budi, ikhlas dan sebagainya. Justeru, penelitian ke atas sorotan ini telah membuka kefahaman yang lebih jelas berkaitan perkembangan komik dan nilai Islam dalam melaksanakan kajian ini.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dua buah komik yang terkandung dalam *Majalah Dewan Pelajar* iaitu komik *Di dan Pi* dan komik *DP* yang diterbitkan pada tahun 2012, 2013 dan tahun 2014. Pemilihan tahun penerbitan ini adalah kerana komik *DP* ini mula diterbitkan pada tahun 2012 manakala pemilihan komik *Di dan Pi* pula disebabkan keselarasan tahun pengambilan bahan iaitu komik *DP*. Selain itu, pemilihan komik yang terdapat dalam *Majalah Dewan Pelajar* ini adalah kerana majalah ini merupakan majalah dalam kelas semenjak tahun 1990 lagi seperti yang tertulis di kulit hadapan majalah ini pada setiap keluaran. Sebanyak 36 buah komik *DP* dan 36 buah komik *Di dan Pi* telah diterbitkan pada tempoh berkenaan akan dianalisis bagi membuktikan medium komik mempunyai nilai Islam. Kaedah kepustakaan iaitu di Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Universiti Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI) Pusat Dokumentasi Melayu (DBPKL), Perpustakaan Negara dan Wisata Minda. Manakala kaedah kajian teks akan digunakan semasa kajian ini dilaksanakan iaitu penerbitan yang berkaitan, serta komik *DP* dan komik *Di dan Pi*.

Manusia dicipta bertujuan untuk beriman kepada Allah S.W.T selain ditugaskan sebagai pemimpin untuk mentadbir muka bumi ke arah kebaikan. Oleh itu, manusia diwajibkan untuk menjaga hubungan dengan Allah S.W.T sebagai tanda beriman dan tunduk kepada semua perintah-Nya. Dapat dilihat melalui kerangka di atas memperlihatkan nilai Islam terbahagi kepada dua bahagian iaitu hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) dan hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*) seperti yang ditegaskan dalam teori Takmilah gagasan Shafie Abu Bakar. Manakala pembahagian empat *rubu* tersebut merupakan pendekatan yang diutarakan oleh Imam Al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumiddin* iaitu Peribadatan (*rubu' Ibadah*), Perbuatan Sehari-hari (*rubu' Adat Kebiasaan*), Perbuatan Yang Menyelamatkan (*rubu' Al-Munjiyat*) dan Perbuatan Yang Membinasakan (*rubu' Al-Muhlikat*). Oleh itu, perlu dijelaskan bahawa pemilihan dua topik utama iaitu hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) bersifat *vertikal* dan hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*) bersifat *horizontal* ini merupakan tunjang asas teori Takmilah serta juga dalam kehidupan manusia.

### RAJAH OPERASIONAL



Menurut Nor Asma Ab Aziz dan Muhd Norizam Jamian (2016: 56), hubungan berbentuk vertikal dan horizontal ini perlu wujud serentak dan tidak boleh dipisahkan dalam diri setiap insan adabi. Tambahan pula, hubungan manusia dengan Allah S.W.T adalah prioriti atau keutamaan, namun harus tidak dilupakan hubungan sesama manusia kerana manusia kerana dicipta untuk saling memerlukan antara satu sama lain. Selain itu, penerapan empat pecahan daripada kitab *Ihya Ulumiddin* bertujuan untuk memberi pengukuhan terhadap asas dalam teori

Takmilah itu sendiri yang mana memperlihatkan hubungan manusia dengan Allah dikategorikan sebagai ibadah dan ini jelas diterangkan dalam bahagian peribadatan. Manakala, hubungan sesama manusia pula melibatkan aktiviti kehidupan seperti yang terkandung dalam tiga bahagian lain iaitu pekerjaan sehari-hari, perbuatan yang menyelamatkan dan perbuatan yang membinasakan.

## HUBUNGAN MANUSIA DENGAN ALLAH

Berdasarkan kerangka teori Takmilah garisan menegak merupakan perlambangan hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) yang bersifat *vertical*. Garisan menegak melalui prinsip *Takamul* (menyempurnakan), *Akmal* (sempurna), *Kamil* (sempurna) dan akhirnya ialah *Kamal* (sempurna) merujuk kepada sifat-sifat Allah S.W.T sebagai simbol hubungan manusia kepada Pencipta-Nya.

Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 194) hubungan manusia dengan Allah S.W.T dimaksudkan dengan meluruskan hati kepada Allah S.W.T (hidayah). Hubungan dengan Allah S.W.T berkait dengan konsep ibadah seperti diperincikan dalam Surah *al-Dharyyat* ayat 56, terjemahannya “*Aku tidak mencipta jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada Ku*” dan seterusnya dalam Surah *al-Baqarah* ayat 21, Surah *al-An'am* ayat 162 dan Surah *al-Kahfi* ayat 110. Difahami bahawa manusia diciptakan adalah untuk tunduk dan patuh dengan perintah-Nya. Maksud tunduk dan patuh pula merujuk kepada hubungan manusia dengan Allah S.W.T melalui konsep ibadah seperti solat, puasa, zakat, haji, membaca al-Quran dan berzikir.

Sehubungan itu, pandangan daripada Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumiddin* berkaitan konsep hubungan manusia dengan Allah S.W.T ini terbahagi kepada Peribadatan (*rubu' Ibadah*).

### Peribadatan

Imam al-Ghazali (1988: 34), menjelaskan peribadatan (*rubu' ibadah*) merupakan adab-adab yang perlu dipatuhi dalam melakukan ibadah. Ibadah yang dilakukan oleh setiap Muslim sudah pastinya mempunyai sunnah-sunnah tertentu dan setiap sunnah ini turut diamalkan oleh para ulama terdahulu. Imam al-Ghazali memperincikan bahagian ini kepada sepuluh perkara yang menggunakan perkataan “kitab”. Pertama kitab ilmu, kedua kitab kaedah-kaedah *i'tikad* (akidah), ketiga kitab rahsia (hikmah) bersuci, keempat kitab hikmah solat, kelima kitab hikmah zakat, keenam kitab hikmah *shiam* (puasa), ketujuh kitab hikmah haji, kelapan kitab adab (kesopanan) membaca al-Quran, kesembilan kitab zikir dan doa, yang terakhir kitab tertib wirid pada masing-masing waktunya. Sehubungan itu, kajian ini hanya mengenal pasti empat kitab sahaja yang dapat digunakan iaitu kitab ilmu, kitab rahsia hikmah bersuci, kitab hikmah solat, kitab hikmah puasa (*shiam*):

### Kitab ilmu

Berilmu bukan sahaja mampu menyelamatkan seseorang di dunia malahan turut memberi kesejahteraan di akhirat. Ilmu akhirat atau ilmu agama yang dipelajari sejak kecil oleh setiap

Muslim dapat memberi kesempurnaan dalam melakukan ibadah untuk kebaikan diri dan juga keluarga. Sehubungan itu, seseorang yang berilmu juga akan mendapat tempat yang terbaik dalam masyarakat malahan juga di sisi-Nya.

Imam al-Ghazali (1988: 54), menyatakan bahawa orang yang tidak berilmu mempunyai hati yang sakit dan akan menyebabkan hatinya mati. Tetapi mereka tidak menyedari keadaan itu kerana cinta dan sibuk kepada hal keduniaan. Hal ini menunjukkan pentingnya seseorang itu mempunyai ilmu bagi menjaga dirinya sendiri daripada kerosakan dan kejahatan.

Justeru itu, ilmu ini dapat diibaratkan cahaya yang menerangi kegelapan dalam jiwa setiap insan dan mampu mengubah kehidupan seseorang. Dapat dilihat dalam komik *DP* menggambarkan nilai berilmu seperti yang berikut:

Di sekolah cikgu telah menganjurkan sebuah pertandingan  
Juara Sifir.

Cikgu: baiklah kita mulakan dengan pusingan jawab pantas.

Soalan 1:  $7 \times 7 \times 2$ ?

Ramesh: 98, cikgu

Cikgu: betul, 5 markah untuk Ramesh. Soalan 2:  $6 \times 7 \times 10$ ?

Ramesh: 420, cikgu.

(Februari, 2013: 53)

Berdasarkan petikan di atas jelas menunjukkan kebolehan Ramesh dalam menyelesaikan soalan yang diajukan. Watak Ramesh membuktikan bahawa beliau mempunyai ilmu dalam bidang matematik dan mampu menjawab pelbagai soalan semasa pertandingan sehinggakan beliau telah diumumkan sebagai pemenang pertandingan sifir di sekolahnya. Didapati, watak Ramesh merupakan watak bukan seorang yang beragama Islam namun nilai berilmu merupakan nilai yang wajib dimiliki oleh setiap insan terutamanya Muslim. Seseorang yang beragama Islam wajib berilmu supaya dapat mengenal hakikat dirinya sendiri dan tugas sebagai seorang hamba-Nya.

### **Kitab rahsia hikmah bersuci**

Bersuci merupakan suatu aspek yang sangat penting untuk dijaga kerana mampu mempengaruhi hubungan antara seseorang itu dengan individu lain serta hubungan dengan Pencipta-Nya. Penampilan diri seperti kekemasan rambut, pakaian, bau badan dan sebagainya perlu diberi perhatian kerana mampu mencerminkan perwatakan serta peribadi diri sebagai seorang yang beragama.

Menurut Imam al-Ghazali (1988: 450), menyatakan bersuci itu mempunyai empat tingkat. Pertama mensucikan zahir daripada segala hadas, kotoran dan benda yang menjijikkan. Tingkat kedua mensucikan anggota badan daripada perbuatan jahat dan dosa. Tingkat ketiga mensucikan hati daripada sifat tercela dan sifat rendah yang terkutuk. Tingkat keempat ialah mensucikan rahsia dan batin daripada sesuatu selain daripada Allah S.W.T. Dapat dilihat dalam komik *DP* turut menunjukkan nilai bersuci:



Di sekolah.

Pekaka: Hari ini doktor gigi akan datang.

Didi: Eh, Mei Mei tak sabar...

Mei Mei: Yalah, tak sabar nak periksa gigi.

Ramesh: Saya pun tak sabar nak jumpa doktor.

Pekaka: Patutlah gigi mereka cantik dan bersih.

Lili: Wah, baguslah Mei Mei dan Ramesh!

Mei Mei: Mestilah, saya nak pastikan gigi saya sihat.

(Oktober, 2013: 52)

Berdasarkan situasi di atas jelas menunjukkan nilai bersuci. Nilai ini tergambar pada watak Didi, Pekaka, Mei Mei dan Ramesh yang bersungguh-sungguh untuk berjumpa dengan doktor gigi bagi menjalani pemeriksaan kesihatan gigi. Kebersihan gigi juga dapat mempengaruhi hubungan komunikasi antara manusia. Ini kerana bau nafas yang busuk akan menyebabkan rasa kurang selesa kepada individu lain. Kebersihan merupakan suatu perkara yang perlu dititikberatkan oleh setiap pelajar bagi menjaga imej diri, keluarga dan agama. Selain menjamin kesihatan, kebersihan diri juga dapat memberi keselesaan kepada setiap individu yang berdampingan seperti rakan-rakan, keluarga dan masyarakat.

### **Kitab hikmah bersolat**

Ibadah solat merupakan amalan yang dilakukan oleh setiap Muslim kepada Pencipta-Nya sebagai tanda penyerahan dan pengabdian diri. Manusia sebagai makhluk yang mulia di sisi Allah S.W.T seharusnya menunaikan kewajipan diri melakukan solat-solat wajib dan memperbanyakkan solat sunat pada setiap hari. Selain solat fardu lima waktu iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak, terdapat lagi solat-solat sunat yang boleh dilaksanakan seperti solat sunat Taubat, solat sunat Hajat, solat sunat Tasbih supaya sentiasa patuh dan taat serta mengingati-Nya.

Menurut Imam al-Ghazali (1988: 643), selain solat fardu, terdapat tiga bahagian solat iaitu sunat, *mustahab* dan *tathawwu*. Solat sunat ialah solat yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W seperti solat sunat *rawatib*, sebelum solat fardu. Manakala solat *mustahab* ialah solat yang dilakukan siang atau malam dalam seminggu seperti solat keluar dari rumah atau masuk ke dalam rumah. Solat *tathawwu* pula ialah solat untuk bermunajat kepada Allah S.W.T.

Justeru, dalam komik *DP* telah memperlihatkan situasi yang menjelaskan nilai bersolat:

Di kawasan surau.

Allahu Akbar, Allahu Akbar... Azan sedang berkumandang

Ayah: Didi masuk saf belakang, ya.

Didi: Ya, ayah.

Mereka mula mengangkat takbir.

Imam: Allahu akbar.

Ayah: Allahu akbar.

Selang beberapa minit.

Imam: Assalamualaikum warahmatullah.

(Julai, 2014: 53)

Difahami juga dari petikan di atas watak tersebut sedang melakukan ibadah solat. Watak telah melaksanakan ibadah solat secara berjemaah di surau yang menjanjikan lebih ganjaran pahala daripada solat bersendirian. Selain itu, watak ayah juga menggalakkan anaknya Didi untuk bersama-sama melakukan solat berjemaah di surau supaya anak-anak lebih mencintai rumah Allah S.W.T daripada membuang masa di tempat-tempat hiburan. Hal ini, memperlihatkan ilustrasi watak Didi berada dalam saf bersama-sama jemaah yang lain untuk melaksanakan ibadah solat. Dengan cara ini seseorang itu mampu melatih keluarganya supaya sentiasa tunduk dan patuh kepada pencipta-Nya dan mampu memelihara diri daripada perkara-perkara mungkar. Justeru itu, amalan solat merupakan satu cara perhubungan dengan Allah S.W.T yang dilakukan secara berterusan mengikut waktu yang telah ditetapkan dalam Islam.

### **Kitab hikmah puasa**

Selain solat, puasa juga menjadi suatu ibadah yang diwajibkan Allah S.W.T kepada setiap hamba-Nya. Hukum ibadah puasa juga terbahagi kepada dua iaitu wajib dan sunat. Puasa wajib ialah puasa di bulan Ramadan seperti yang diperintahkan dalam rukun Islam dengan menahan diri daripada makan, minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula terbitnya fajar sehingga tenggelamnya matahari.

Puasa ini dilakukan oleh seluruh umat Islam di dunia secara serentak bermula 1 Ramadan sehingga 29 Ramadan sebagai ibadah yang wajib. Terdapat juga puasa sunat yang boleh dilakukan antaranya puasa Isnin dan Khamis serta banyak lagi. Imam al-Ghazali (1988: 5), menyatakan berpuasa ialah setengah daripada sabar menuntut setiap hamba-Nya supaya bersabar dalam beribadat kepada-Nya. Oleh itu, dalam komik *DP* menunjukkan nilai berpuasa:

Didi: Yeh... esok mula puasa...  
Ibu: Alhamdulillah, anak ibu suka berpuasa.  
Ayah: Isyak nanti, Didi ikut ayah ke surau.  
Didi: Ya, Didi nak ikut.

(Julai, 2012: 52)

Anak-anak perlu diasuh untuk melakukan ibadah puasa sejak usia kecil lagi. Perkara ini pastinya mendatangkan kebaikan kepada mereka apabila kewajipan untuk berpuasa itu sudah mencapai tahapnya iaitu ketika mencapai usia akil baligh. Di samping itu, amalan ini menjadi latihan untuk mereka belajar menahan lapar dan dahaga dengan sabar beribadah kepada Allah S.W.T. Dapat dilihat melalui petikan di atas menggambarkan kegembiraan yang ditunjukkan watak Didi apabila bulan puasa telah tiba. Didi berasa sangat bersemangat untuk menjalani ibadah puasa sebagai tanda kepatuhan atas tanggungjawabnya sebagai seorang hamba. Ibu dan ayah Didi merasa bersyukur mempunyai seorang anak yang suka beribadah kepada Allah S.W.T dan mereka sentiasa mendidik anaknya supaya cinta kepada agama.

## HUBUNGAN MANUSIA SESAMA MANUSIA

Seterusnya, kajian ini tertumpu pada hubungan manusia dengan manusia. Manusia dicipta bertujuan untuk beriman kepada Allah S.W.T selain ditugaskan sebagai pemimpin untuk mentadbir muka bumi ke arah kebaikan. Berdasarkan kerangka teori Takmilah garisan menegak merupakan perlambangan hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) yang bersifat *vertical*. Garisan menegak melalui prinsip *Takamul* (menyempurnakan), *Akmal* (sempurna), *Kamil* (sempurna) dan akhirnya ialah *Kamal* (sempurna) merujuk kepada sifat-sifat Allah S.W.T sebagai simbol hubungan manusia kepada Pencipta-Nya.

Menurut Kamariah Kamarudin (2011: 223) hubungan manusia dengan manusia juga dikenali sebagai ibadah *ghair makhda* iaitu amalan zahir yang berhubung kait dengan perkara *muamalah* setiap hari dalam hidup manusia juga dikenali sebagai hubungan manusia dengan manusia.

Berdasarkan pandangan daripada Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumiddin* konsep hubungan manusia sesama manusia ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Perbuatan Sehari-hari (*rubu' Adat Kebiasaan*), Perbuatan Yang Menyelamatkan (*rubu' Al-Munjiyat*) dan Perbuatan Yang Membinasakan (*rubu' Al-Muhlikat*).

### Pekerjaan Sehari-hari

Imam al-Ghazali (1988: 34), menerangkan berkaitan bahagian pekerjaan sehari-hari (*rubu' adat kebiasaan*) merupakan hikmah pergaulan yang berlaku antara manusia, selok-belok, perkara sunat dan sifat memelihara diri dalam kalangan manusia. Beliau menegaskan, setiap sifat yang akan dijelaskan ini seharusnya ada dalam diri setiap Muslim. Imam al-Ghazali (1988: 33) telah membahagikan Pekerjaan Sehari-Hari kepada sepuluh perkara iaitu kitab adab makan, kedua kitab adab perkahwinan, ketiga kitab hukum berusaha (bekerja), keempat kitab halal dan haram, kelima kitab adab berteman dan bergaul dengan berbagai golongan manusia, keenam kitab *uzlah* (mengasingkan diri), ketujuh kitab adab bermusafir (berjalan jauh), kelapan kitab mendengar dan merasa, kesembilan kitab *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, dan kesepuluh kitab adab kehidupan dan budi pekerti (akhlak) kenabian. Sehubungan itu, didapati hanya dua kitab sahaja yang boleh diguna pakai dalam tulisan ini iaitu kitab hukum berusaha (bekerja) dan kitab adab kehidupan dan budi pekerti (akhlak) kenabian.

### Kitab Hukum Berusaha

Seterusnya, Imam al-Ghazali (1980: 453) menjelaskan hal berkaitan dengan hukum bekerja dalam kehidupan harian. Beliau menggolongkan manusia yang berusaha (bekerja) kepada tiga iaitu orang yang menyibukkan diri di tempat hidupnya daripada tempat kembalinya sebagai golongan yang binasa, bermaksud orang yang hanya mengejar dunia dengan meninggalkan akhirat. Kedua orang yang disibukkan oleh tempat kembalinya daripada tempat hidupnya sebagai orang yang mendapat kemenangan, bermaksud orang yang berusaha mendapatkan kebaikan akhirat ketika hidupnya. Manakala, ketika orang yang mendekati diri kepada kesederhanaan iaitu mereka yang menyibukkan hidupnya untuk mendapatkan akhirat, bermaksud orang yang banyak melakukan kebaikan di dunia tanpa meninggalkan kebaikan

akhirat. Selain itu, Imam al-Ghazali juga turut mengaitkan kitab adab berusaha (bekerja) ini kepada kelebihan berusaha, ilmu tentang berusaha, keadilan dalam berusaha, serta berbuat kebaikan dan kasih sayang saudara kepada diri dan agama. Dalam tulisan ini kitab hukum berusaha (bekerja) merangkumi dua nilai Islam yang bersesuaian dengan adab bekerja iaitu beriadah dan bekerjasama:

### **Beriadah**

Berdasarkan kitab hukum berusaha (bekerja), riadah juga boleh difahami sebagai salah satu pekerjaan harian yang sangat dituntut. Nilai ini membantu manusia menjaga kesihatan tubuh badan dalam melakukan pekerjaan harian. Dilihat melalui perspektif Islam, nilai riadah juga merupakan nilai yang sangat dipentingkan. Kesihatan tubuh badan perlu dijaga bagi mengelakkan diri daripada mendapat sebarang penyakit. Gaya pemakanan yang tidak seimbang dilihat mampu mendatangkan masalah kesihatan kepada diri. Sehubungan itu, masyarakat boleh menjaga kesihatan dengan mengamalkan aktiviti beriadah yang diketahui boleh mengurangkan risiko daripada mendapat penyakit dan menyihatkan tubuh badan.

Diketahui aktiviti riadah ini dapat membantu sistem tubuh badan berfungsi dengan baik serta akan menyihatkan tubuh badan apabila lemak yang berlebihan dapat dikurangkan. Justeru itu, dalam komik *Di dan Pi* yang menunjukkan nilai riadah:

Di dan Pi telah bermain bola di pantai. Mereka bersuka ria berada di sana.

Di: Pi... sambut.

Pi telah melompat untuk mendapatkan bola tersebut.

(Julai, 2013: 53)

Aktiviti riadah dapat dijadikan amalan dalam kehidupan. Pelbagai tempat yang boleh di kunjungi seperti pusat-pusat peranginan serta kawasan persisiran pantai bagi memenuhi tuntutan ini. Dilihat banyak aktiviti yang boleh dilakukan apabila melakukan aktiviti riadah di kawasan pantai misalnya, mandi-manda, acara skuba untuk melihat keindahan dasar laut dan berkelah di tepi pantai. Hal ini sudah pasti menjadi lebih menarik jika dilakukan bersama-sama ahli keluarga dan rakan-rakan. Melihat situasi di atas jelas memperlihatkan nilai riadah. Watak Di dan Pi bermain bola di pantai bagi memenuhi waktu lapang. Bola pantai ini dapat dilakukan antara dua orang atau lebih yang dilakukan di kawasan pantai. Aktiviti seperti ini dapat menyihatkan tubuh badan di samping mengeratkan hubungan silaturahim.

### **Bekerjasama**

Bekerjasama merupakan nilai Islam yang perlu ditekankan dalam membangunkan masyarakat sejahtera khususnya umat Islam. Dengan penerapan nilai bekerjasama ini, masyarakat akan menjadi lebih bersefahaman bagi melakukan sebarang aktiviti serta boleh menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran dalam kehidupan harian. Seperti kata pepatah ringan sama dijinjing, berat sama dipikul yang pastinya menuntut supaya masyarakat berusaha untuk bekerjasama. Kekuatan bekerjasama ini menjamin kesejahteraan anggota masyarakat dan mampu membentuk

masyarakat yang bahagia. Sehubungan itu, didapati dalam komik *DP* memperlihatkan nilai bekerjasama:

Pada sebelah petang Didi, Ramesh, Pekaka, Fifi dan Mei Mei telah berkumpul di dalam dewan untuk sesi latihan teater. Didi telah memegang watak sebagai Si Tanggang, Fifi sebagai tuan puteri manakala Pekaka sebagai pencerita. Pekaka: Arakian, Si Tanggang pun memulakan pelayaran membawa tuan puteri yang kini menjadi permaisurinya. Didi: Wahai tuan puteri yang rupawan. Lihatlah betapa indahnyanya samudera yang terbentang luas. Fifi: Ya. Kakanda...

(November, 2012: 52)

Nilai bekerjasama dapat dikesan melalui watak-watak di atas yang berusaha untuk menjayakan sebuah teater. Nilai bekerjasama ini tergambar apabila Didi, Fifi dan Pekaka bekerjasama dalam menjayakan teater tersebut dengan berusaha melakonkan watak yang di pegang dan saling bekerjasama dalam latihan tersebut. Sesuatu pekerjaan yang dilakukan bersama sudah pasti akan membuahkan hasil yang baik.

### **Kitab Adab Kehidupan dan Budi Pekerti Kenabian**

Seterusnya, berkaitan akhlak dan budi pekerti Rasulullah S.A.W sebagai seorang insan yang dimuliakan Allah S.W.T. Perkara ini ditekankan untuk memberikan penjelasan kepada manusia supaya mencontohi dan berpegang teguh kepada peribadi Rasulullah S.A.W. Akhlak Rasulullah S.A.W ini dijelaskan oleh Imam al-Ghazali dalam *Ihya Ulumiddin* berdasarkan firman Allah S.W.T dalam al-Quran dan hadis-hadis Baginda. Imam al-Ghazali (1980: 609) menyusun akhlak Rasulullah daripada segi akhlak, perkataan dan ketawa, kesopanan, kemaafan, kemurahan hati, keberanian, sikap merendah diri, fizikal dan mukjizat yang dimiliki Baginda. Oleh itu, bahagian kitab adab kehidupan dan budi pekerti (akhlak) kenabian ini akan menjelaskan nilai Islam sebagai akhlak Rasulullah S.W.T. Dalam tulisan ini dua nilai Islam akan diperincikan iaitu kebajikan dan sedekah:

### **Kebajikan**

Nilai ini berkait rapat dengan akhlak Rasulullah S.A.W sebagai insan yang bermurah hati dan sentiasa menyampaikan kebaikan kepada setiap umat-Nya. Kebajikan yang dilakukan oleh seseorang Muslim itu merupakan usahanya untuk memelihara hubungan manusia dengan manusia serta sebagai ibadah Allah S.W.T iaitu sebagai amal ibadah. Amalan kebajikan ini akan membina hubungan dalam masyarakat untuk hidup harmoni, berkasih sayang, bersefahaman dan dapat meningkatkan ketenteraman setempat.

Sehubungan itu juga, kebajikan kepada kedua-dua ibu bapa sudah pasti menjadi tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap anak. Anak-anak perlu membalas jasa ibu dan bapa yang telah bersusah payah membesarkan dan mendidik supaya menjadi seorang yang

berjaya. Dengan melakukan perkara seperti ini akan memperlihatkan sifat Rasulullah S.A.W dalam diri seseorang itu. Didapati bahawa, contoh daripada komik *DP* dan komik *Di dan Pi* yang memperlihatkan nilai kebajikan:

Didi: Selamat pagi cikgu. Boleh kami bantu cikgu?

Cikgu: Selamat pagi, Didi, Ramesh dan Pekaka pun ada?

Baiknya hati kamu semua nak bantu cikgu.

Pekaka: kebetulan kami ternampak cikgu bawa banyak barang. Kasihan pula melihat cikgu membawa semua barang ini bersendirian.

Cikgu: Terima kasih, kerana membantu cikgu bawa barang-barang tadi.

Pekaka: Sama-sama cikgu.

(Januari, 2013: 53)

Perkara di atas jelas menunjukkan nilai kebajikan melalui watak Didi, Ramesh dan Pekaka. Mereka telah membantu seorang guru mengangkat barang ke biliknya apabila melihat guru tersebut melakukannya secara bersendirian. Amalan meringankan beban atau membantu seorang pendidik merupakan suatu perkara yang baik di sisi agama. Sebagai seorang yang bergelar pelajar perlu peka dengan tanggungjawab kepada gurunya sendiri. Kewajipan berbakti kepada seorang guru juga telah dijelaskan dalam agama Islam. Amalan kebajikan ini dapat mewujudkan keharmonian antara guru dan pelajar sekali gus beroleh keberkatan dalam menimba ilmu.

### **Sedekah**

Nilai Islam seterusnya ialah bersedekah. Nilai ini juga sangat berkait rapat dengan akhlak peribadi Rasulullah S.A.W. Bersedekah bukan sahaja dapat memberi kebaikan kepada penerima namun turut memberi kebaikan kepada si pemberi. Setiap individu digalakkan untuk sentiasa bersedekah supaya dapat membantu orang lain yang berada dalam kesusahan. Hal ini pastinya dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat apabila sumbangan yang disalurkan akan memberi kemudahan kepada orang lain untuk menjalani kehidupan yang lebih sempurna.

Bersedekah juga merupakan amalan yang sering dilakukan oleh Rasulullah S.A.W sepanjang hayatnya, di samping boleh menjadi saham akhirat apabila seseorang itu sudah meninggal dunia. Hal ini dapat dilihat dalam komik *DP* yang memperlihatkan aktiviti bersedekah:

Seketika kemudian mereka pun memohon pulang.

Pekaka: Pak cik, mak cik kami pulang dulu.

Ayah Laila: Ini duit raya untuk kamu semua.

Fifi: Terima kasih pak cik, mak cik dan Laila.

Mak Laila: Sama-sama.

(Ogos, 2012: 53)

Situasi di atas jelas menunjukkan nilai bersedekah melalui watak ayah Laila. Beliau telah memberikan duit kepada kawan-kawan anaknya sebagai sedekah pada hari perayaan. Duit raya merupakan suatu amalan bersedekah yang dilihat kini menjadi seperti budaya masyarakat Melayu. Amalan duit raya ini sebenarnya berlandaskan amalan bersedekah yang sepatutnya dilakukan sepanjang tahun dan tidak hanya tertumpu pada waktu tertentu sahaja seperti hari raya. Oleh itu, perbuatan bersedekah juga boleh memperkukuhkan institusi kemasyarakatan dan dapat mewujudkan budaya suka membantu antara satu sama lain dalam masyarakat tersebut dan seterusnya boleh memberi kegembiraan orang lain.

### **Perbuatan yang Membinasakan**

Bahagian ini Imam al-Ghazali (1988: 35), menerangkan berkaitan perbuatan yang membinasakan (*rubu' al-Muhlikat*) seperti yang termaktub dalam al-Quran. Perbuatan tercela ini seharusnya dihapuskan supaya boleh membersihkan jiwa dan menyucikan diri daripada setiap perbuatan yang dilarang-Nya. Sehubungan itu, Imam al-Ghazali telah menerangkan jenis perbuatan tercela oleh Allah S.W.T serta kesan dan tanda-tanda perbuatan tersebut kepada seseorang.

Melalui bahagian ini beliau juga telah membahagikan kepada sepuluh buah kitab iaitu kitab mengurai keajaiban hati, kedua kitab latihan diri (jiwa), ketiga kitab bahaya hawa nafsu perut dan kemaluan, keempat kitab bahaya lidah, kelima kitab bahaya marah, dendam dan dengki, keenam kitab tercela di dunia, ketujuh kitab tercelanya harta dan kikir, kelapan kitab tercelanya sifat suka kemegahan dan cari muka (riak), kesembilan kitab tercelanya sifat takabbur dan menghairani diri (ujub), dan yang kesepuluh ialah kitab tercelanya sifat tertipu dengan kesenangan duniawi. Melalui pembahagian ini, hanya dua kitab yang akan digunakan iaitu kitab bahaya lidah dan kitab bahaya marah, dendam dan dengki. Oleh itu, tulisan ini hanya dapat menganalisis menggunakan dua buah kitab sahaja iaitu Kitab Bahaya Lidah dan Kitab Bahaya Marah, Dendam Dan Dengki:

### **Kitab Bahaya Lidah**

Keburukan yang dilakukan mampu mendatangkan masalah kepada diri, keluarga, negara mahupun agama. Imam al-Ghazali (2014: 653) menjelaskan bahawa bahaya lidah ini terpecah kepada dua puluh bahagian iaitu perkataan yang tidak berguna, berlebihan dalam berkata-kata, bercakap dalam kebatilan, membantah dan bertikam lidah, permusuhan, mereka-reka bahasa yang indah, kata-kata yang kotor, memaki serta ucapan yang buruk, melaknat, menyanyi dan bersajak, bergurau senda, penghinaan, membuka rahsia, janji dusta, berdusta dalam kata-kata dan bersumpah, mengumpat, mengadu domba, ucapan orang yang bermuka-muka, memuji, kesalahan dalam pembicaraan yang pelik-pelik, berbagai-bagai masalah pelik tentang lisan. Selain, turut dibincangkan berkaitan kesan dan sebab serta hukum berkaitan bahaya lidah. Melihat kepada penjelasan tersebut nilai di bawah dipastikan berkaitan dengan kitab bahaya lidah:

### Dusta

Dusta merupakan suatu perkara yang dapat merosakkan keharmonian masyarakat. Perkara ini juga dijelaskan Imam al-Ghazali sebagai berdusta dalam kata-kata dan sumpah. Keburukan dusta ini akan menyebabkan seseorang itu dibenci sekali gus akan dipinggirkan daripada masyarakatnya. Saban hari perkara ini dilihat menjadi duri dalam daging apabila semakin ramai golongan masyarakat terjebak dalam permasalahan ini, para peniaga berdusta untuk memperoleh keuntungan lumayan, pemimpin berdusta untuk mengekalkan jawatan, malahan terdapat individu berdusta untuk kepentingan diri sendiri.

Permasalahan ini dilihat kian meruncing dan seharusnya segera dibendung bagi mengelakkan kehancuran sejagat. Di samping itu, masyarakat perlu menghindarkan diri daripada melakukan perbuatan ini supaya dapat menunjukkan jiwa keislaman dalam diri. Justeru itu, terdapat contoh yang menunjukkan dusta dalam komik *Di dan Pi*:

Bekas ikan peliharaan Di telah bocor menyebabkan air semakin berkurangan. Di telah meminta Pi untuk menjaga ikan tersebut sementara Di berusaha mencari bekas yang lain.

Di: Tolong jaga ikan ni sekejap.

Pi: hmm... Sedap ni?

Sekembali Di ikan tersebut telah hilang.

Di: Mana ikan ni pergi?

Pi: Dia dah terbanglah.

(Ogos, 2012: 35)

Jelas dilihat daripada petikan di atas menunjukkan watak Pi telah melakukan dusta untuk melindungi kesalahannya. Pi telah memakan ikan peliharaan Di apabila mendapat peluang untuk melakukan perbuatan itu. Hal ini menyebabkan Pi telah berdusta apabila ditanya berkaitan ikan tersebut dengan mengatakan perkara sebaliknya walhal Pi sudah memakannya. Perbuatan ini jelas sekali bersalahan kerana Di telah mengamanahkan Pi untuk menjaga ikan peliharaannya namun kegagalan Pi mengawal dirinya menyebabkan dia berdusta. Ilustrasi dalam peristiwa ini telah menunjukkan watak Pi yang mengambil kesempatan dengan memakan ikan Di. Namun apabila ditanya oleh Di berkaitan perkara tersebut Pi telah menipu Di supaya dapat menyembunyikan perbuatannya itu. Perkara ini seharusnya dihindari kerana boleh menghilangkan perasaan percaya kepada dirinya sendiri.

### Kitab Bahaya Marah, Dendam dan Dengki

Bahagian ini Imam al-Ghazali (2014: 731) menerangkan berkaitan dengan bahaya marah, dendam dan dengki. Ketiga sifat ini dapat mendatangkan keburukan dalam diri seseorang. Dinyatakan sifat marah ini merupakan nyalaan api yang sumbernya daripada api Allah S.W.T dan menyalanya pula berkobar-kobar. Manusia sering kali terperdaya dengan tipu muslihat syaitan untuk berasa marah dan terpengaruh dengan api kemarahan. Seseorang manusia yang mudah terpengaruh dengan perasaan marah dinyatakan mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan syaitan. Sehubungan itu, sifat marah akan mendatangkan perasaan dendam dan dengki.



Manakala perasaan dendam yang membara ini adalah berpunca daripada darah beku yang ada dalam diri manusia. Jika seketul darah ini baik nescaya baik amalannya dan jika buruk nescaya buruklah amalannya. Sikap dendam dan dengki mendorong manusia untuk melakukan perkara yang mendatangkan kesengsaraan dan kerosakan. Sehubungan itu, Imam al-Ghazali telah menjelaskan bahagian ini dengan menerangkan berkaitan keburukan, peringkat, sebab-sebab dan langkah-langkah yang perlu diambil supaya dapat mengatasi keburukan sifat-sifat marah, dendam dan dengki.

Dengki juga dikenal pasti sebagai suatu perbuatan yang membinasakan. Penyakit dengki ini mampu merubah perlakuan seseorang jika tidak ditangani dengan bijak. Dilihat permasalahan sering berlaku dalam masyarakat adalah berpunca daripada sikap dengki yang menebal dalam diri. Jiran tetangga misalnya bermasam muka melihat kelebihan yang dimiliki jirannya, rakan sejawat menyimpan dendam, malah ada yang sanggup memutuskan tali silaturahim akibat rasa dengki. Hal ini akan menyebabkan keruntuhan institusi umat sekali gus melemahkan agama Islam. Justeru itu, setiap Muslim perlu mengambil serius berkaitan sikap dengki ini yang seharusnya dihindari demi kebaikan keluarga, negara dan agama.

Rasulullah S.A.W menyeru supaya umatnya menghapuskan sifat dengki dalam diri sendiri bagi mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat kelak. Menghindari sifat dengki ini disebut sebagai sunnah Rasulullah S.A.W yang perlu diikuti oleh setiap Muslim bagi menzahirkan tanda kecintaan kepada junjungan nabi Muhammad S.A.W. Bagi menjelaskan tentang dengki ini akan diberi contoh daripada komik *Di dan Pi*:

Pi berjaya menangkap seekor ikan sewaktu memancing di sungai.

Di: Wow... besarnya ikan.

Di berasa dengki lalu mengambil sebiji batu.

Di: Tak boleh jadi ni.

Lalu membaling batu tersebut ke dalam sungai untuk mengganggu Pi namun tanpa disangka balingannya itu terkena seekor ikan yang lebih besar. Pi berasa gembira lalu segera menangkap ikan tersebut.

(Mei, 2013: 35)

Melalui petikan berkenaan jelas memperlihatkan perbuatan dengki pada watak Di. Di berasa dengki melihat Pi berjaya menangkap seekor ikan yang besar ketika memancing di sungai. Perkara ini menyebabkan Di berhasrat untuk mengganggu Pi supaya tidak lagi mendapat sebarang tangkapan. Lantaran itu, Di bertindak membaling seketul batu ke dalam sungai untuk menghalau ikan daripada terus termakan umpan di pancing Pi. Namun sebaliknya sikap dengki Di itu telah mendatangkan rezeki kepada Pi apabila batu tersebut terkena seekor ikan yang lebih besar. Pi berasa gembira lalu menangkap ikan tersebut. Keadaan ini memperlihatkan ilustrasi watak Di sedang mengganggu watak Pi yang sedang memancing ikan di sungai. Seketika kemudian Di telah membaling seketul batu ke dalam sungai untuk mengganggu Pi. Jelas melihat kepada situasi ini sikap dengki bukan sahaja merugikan diri sendiri malahan dapat memberi kebaikan kepada individu yang teraniaya.

### **Marah**

Menjauhi sifat marah merupakan antara nilai yang dituntut dalam agama Islam. Ini kerana marah merupakan suatu perbuatan yang perlu ditegah dan dihindari disebabkan sikap ini mampu mendatangkan kerosakan dalam sesebuah perhubungan. Selain itu, sikap marah ini boleh memberi ketegangan jiwa dan dapat menghilangkan rasa pertimbangan sehingga menyebabkan lebih banyak masalah. Menurut Al-Syeikh Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi Ad-Dimasqi (2014: 731) marah adalah seperti bara api yang berada dalam lubuk jantung dan bagaikan sesuatu bara api di bawah abu. Zulkifli Mohammad al-Bakri (2007: 170) juga berpendapat marah ialah emosi yang meluap-luap sehingga seorang itu akan kehilangan arah untuk melakukan sesuatu. Oleh itu, menjauhi sifat marah dapat difahami sebagai perasaan tidak senang kepada sesuatu sehinggakan dapat mendatangkan keburukan kepada diri atau orang lain.

Rasulullah S.A.W sendiri menegaskan bahawa perasaan marah itu datangnya daripada syaitan yang wajib dijauhi. Justeru itu, amalan berwuduk perlu dipraktikkan selalu boleh memadamkan api kemarahan yang mana sifat air menyejukkan dan mendamaikan dapat menghilangkan perasaan marah. Dilihat terdapat contoh dalam komik *Di dan Pi* yang menunjukkan perbuatan marah:

Seorang lelaki telah mengejar Pi kerana mengambil seekor ikan. Lelaki itu berasa sangat marah atas perbuatan Pi.

Lelaki: Ke mana kau nak lari??

Disebabkan perasaan marah lelaki itu tidak perasan terdapat sebatang pokok di laluanannya sehingga dia terlanggar pokok tersebut. Dom!!

Lelaki : Aduh!!!

(Mei, 2014: 34)

Justeru itu, perbuatan marah dapat diperhatikan melalui watak lelaki. Disebabkan perasaan marah lelaki tersebut telah hilang pertimbangan diri sehingga terlanggar sebatang pokok semasa mengejar Pi. Perbuatan Pi itu telah mencetuskan kemarahan lelaki sehingga dia bertindak mengejar Pi. Rentetan peristiwa itu lelaki tersebut telah mendapat kecederaan apabila dia melanggar sebatang pokok secara tidak sengaja. Dalam peristiwa ini memperlihatkan ilustrasi watak lelaki yang sedang mengejar watak Pi. Lelaki tersebut digambarkan berada dalam keadaan marah dengan wajah yang merah padam kerana terlalu marah terhadap watak Pi. Keburukan yang diterima oleh lelaki itu jelas difahami adalah kesan daripada terlalu mengikutkan perasaan marah sehingga hilang pertimbangan diri. Kehilangan makanan akibat perbuatan haiwan tidak perlu diambil serius kerana haiwan juga berkongsi rezeki dengan manusia.

### **Perbuatan yang Menyelamatkan**

Bahagian ini Imam al-Ghazali (1988: 35), menerangkan berkaitan dengan perbuatan yang menyelamatkan (*rubu' al-Munjiyah*) iaitu budi pekerti yang terpuji dan perkara yang disukai. Perbuatan ini menjadi sifat-sifat orang yang sentiasa mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

Imam al-Ghazali menerangkan berkaitan jenis-jenis perbuatan terpuji dan perkara yang mendorong seseorang itu untuk melakukan amalan yang menyelamatkan. Selain itu, beliau juga menegaskan tentang tanda-tanda yang ada untuk mengenali perbuatan yang menyelamatkan dalam diri seorang Muslim itu.

Imam al-Ghazali juga membahagikan kepada sepuluh pecahan, iaitu kitab taubat, kedua kitab sabar dan syukur, ketiga kitab takut dan harap, keempat kitab fakir dan zuhud, kelima kitab tauhid dan tawakal, keenam kitab cinta kasih, rindu, jinak hati dan rela, ketujuh kitab niat, benar dan ikhlas, kelapan kitab muraqabah dan menghitung amalan, kesembilan kitab memikirkan hal diri (tafakur), dan yang terakhir kitab ingat mati. Melalui pembahagian ini hanya dua kitab sahaja yang akan digunakan iaitu kitab cinta kasih, rindu, jinak hati dan rela serta kitab niat, benar dan ikhlas. Manakala pembahagian ini mengandungi nilai tersendiri yang dilihat bertepatan dengan dua kitab tersebut:

### **Kitab Cinta Kasih, Rindu, Jinak hati dan Rela**

Bahagian ini diterangkan berkaitan cinta kasih, rindu, jinak hati dan rela dalam beribadah kepada-Nya. Kasih sayang, rindu, rela merupakan anugerah daripada Allah S.W.T kepada hamba-hamba-Nya bagi menjalani kehidupan dan beribadat dengan sempurna. Imam al-Ghazali (1988: 415) menegaskan manusia tidak akan mencintai sesuatu yang tidak mereka kenali namun naluri tersebut dikurniakan supaya manusia berusaha untuk menyayangi. Kasih sayang seorang hamba kepada Pencipta-Nya membawa mereka untuk mendekati-Nya dan melakukan ibadah dengan sebenar-benarnya.

Manusia cenderung mencintai apa yang dikenalnya dan merasa rindu untuk sentiasa dekat kepada perkara yang disayangnya. Justeru itu, dalam konteks ibadah seorang Muslim wajib mencintai Allah S.W.T yang seterusnya membawa seseorang itu sentiasa berasa rindu, dan dekat kepada Allah S.W.T serta rela melakukan suruhannya dan meninggalkan setiap larangan-Nya. Dapat dipastikan bahawa mencintai dan menyayangi makhluknya juga membawa kepada mencintai Allah S.W.T. Oleh itu, dua nilai Islam di bawah akan membawa manusia untuk sentiasa berkasih sayang, rindu dan rela dalam beribadah iaitu nasihat dan silaturahmi:

### **Nasihat**

Nilai nasihat ini seharusnya diamalkan oleh masyarakat supaya terdidik untuk melakukan kebaikan. Nilai nasihat ini berkait rapat dengan kasih sayang kepada seseorang. Seorang insan yang menyayangi keluarganya akan sentiasa berusaha untuk menasihati ahli keluarganya supaya terarah kepada kebaikan. Agama Islam juga menggesa untuk sentiasa menasihati dan saling mengingatkan antara satu dengan lain untuk melakukan kebaikan. Budaya menasihati ini perlu ada dalam setiap hubungan kekeluargaan, sesama jiran, masyarakat supaya dapat membentuk keharmonian dan kedamaian. Jelaslah, nilai nasihat memainkan peranan penting dan dapat menyuburkan perasaan kasih sayang dan kerjasama yang erat sesama anggota masyarakat bagi mengekalkan kehidupan bersama.

Setiap orang dituntut untuk memberi nasihat kepada orang lain supaya dapat mencegah keburukan dari terus berlaku dan memberi keinsafan sehinggakan seseorang itu akan meninggalkan keburukan. Selain itu, menasihati juga mempunyai kaedah yang tertentu supaya

boleh memberikan suatu kesan kebaikan kepada orang lain dan dapat mengubah seseorang untuk meninggalkan kemungkarannya. Sehubungan itu, terdapat contoh dalam komik *DP* yang menjelaskan tentang nilai menasihati:

Abang Fifi: Abang rasa... Fifi akan dapat hadiah murid cemerlang.

Fifi: Fifi harap Fifi terpilih sebagai murid cemerlang.

Ayah: Fifi tunggu cikgu umumkan nanti. Kalau terpilih... alhamdulillah... jika tidak... usaha lagi gigih pada tahun hadapan.

(November, 2013: 53)

Nilai nasihat jelas dapat dilihat berdasarkan dialog antara watak Fifi, Ayah, Mama dan Abang yang menasihati Fifi supaya gigih belajar dan tidak mudah berputus asa. Kata-kata yang dapat memberi semangat kepada Fifi untuk terus berusaha menunjukkan bahawa keluarganya berusaha memberi dorongan untuk berjaya. Kata-kata nasihat juga dapat dijadikan sebagai dorongan untuk seseorang itu terus berusaha mencapai apa yang dihajati di samping terus bersemangat untuk memperbaiki kelemahan diri.

### **Silaturahmi**

Silaturahmi turut dituntut sebagai nilai yang baik dalam Islam. Silaturahmi merupakan sunnah yang perlu diteruskan bagi menjamin pembangunan masyarakat dengan menitikberatkan sikap berkasih sayang antara keluarga dan sesama manusia. Perkara ini juga bertepatan dengan saranan yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali berkaitan kasih sayang. Perhubungan silaturahmi ini adalah dengan mengekalkan kemesraan, perpaduan dan komunikasi. Ikatan silaturahmi tidak terhenti setakat itu sahaja, malah berlangsung sehingga ke akhir hayat malah menjadi perhitungan di akhirat kelak. Justeru itu, seorang insan harus berusaha untuk mengekalkan tali persaudaraan bagi menjamin kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Imam al-Ghazali (2009: 224) mewasiatkan silaturahmi adalah amalan mulia, sehinggakan orang yang memutuskan silaturahmi dianggap melakukan dosa besar. Nilai silaturahmi merupakan amalan yang dikasihi Allah S.W.T dan perlu dilaksanakan supaya tidak merosakkan hubungan sosial dan perpaduan masyarakat. Sehubungan itu, bagi menerangkan nilai ini, terdapat contoh daripada komik *DP* yang menggambarkan nilai silaturahmi:

Di rumah Fifi, mereka sekeluarga sedang berbincang untuk pergi menziarahi atuk dan nenek di kampung.

Ayah: Cuti sekolah nanti kita balik kampung. Atuk baru saja buka *homestay*.

Mama: Pelancong dapat menikmati dan mengenal budaya masyarakat kampung.

Fifi: *Homestay*?

Ayah: *Homestay* atau inap keluarga ialah program percutian tinggal bersama tuan rumah.

Apabila cuti sekolah bermula mereka pun pergi melawat  
Atuk dan Nenek di kampung.  
Fifi: Ayuh, kita “Cuti-cuti Malaysia”!

(Mac, 2012: 52)

Petikan berkenaan jelas menunjukkan nilai silaturahim apabila watak pulang ke kampung untuk bertemu atuk dan nenek. Perhubungan kekeluargaan ini menjadi lebih erat apabila amalan ziarah-menziarahi sering dilakukan akan mewujudkan sifat kasih sayang. Ilustrasi dalam situasi ini menunjukkan watak sedang pulang ke kampung untuk melawat atuk dan neneknya. Sudah menjadi kebiasaan bagi anak-anak yang sudah berumah tangga akan tinggal berasingan daripada ibu dan ayah namun perhubungan seharusnya diteruskan walaupun berjauhan. Selain itu, anak-anak perlu mengambil berat terhadap keperluan ibu dan ayah yang tinggal berjauhan seperti keadaan kesihatan, keperluan harian dan sebagainya.

### **Kitab Niat, Benar dan Ikhlas**

Imam al-Ghazali (1980: 8) menjelaskan bahawa setiap hamba-Nya dituntut untuk beramal dengan sebenar-benarnya. Setiap manusia telah diberikan akal dan iman serta petunjuk daripada Allah S.W.T iaitu al-Quran untuk manusia mengenali-Nya. Perkara ini tidak sepatutnya disiasikan tanpa diambil manfaatnya untuk berusaha meningkatkan iman dan takwa. Imam al-Ghazali (1980: 8) menjelaskan kebahagiaan tidak akan dirasai seseorang itu sekiranya tidak mempunyai ilmu dan ibadah. Dijelaskan lagi seorang manusia itu akan binasa sekiranya tidak mempunyai ilmu dan seorang yang berilmu juga akan binasa sekiranya orang tersebut beramal tanpa menggunakan ilmunya.

Imam al-Ghazali menegaskan seorang yang beramal tetapi tidak disertakan dengan keikhlasan juga akan binasa dan seseorang yang beribadah dengan ikhlas tetapi tidak disertakan dengan niat turut mendapat kesusahan. Manakala seorang yang berniat untuk beribadah tetapi tidak ikhlas ialah seorang yang riak dan keikhlasan tanpa kebenaran pula menjadikan amalannya seperti debu yang berterbangan. Melalui penerangan jelas diketahui bahawa niat, benar dan ikhlas sentiasa berhubung kait dalam melakukan ibadah kepada-Nya dan berbuat kebaikan sesama manusia. Berdasarkan kitab ini, nilai ikhlas dan amanah amat bertepatan untuk menerangkan hubungan manusia dengan manusia sebagai ibadah kepada Allah S.W.T.

Nilai Islam seterusnya yang dikenal pasti ialah nilai ikhlas. Ikhlas juga diterangkan oleh Imam al-Ghazali (1980: 54) bersifat suci daripada campuran iaitu perbuatan yang bersih dan suci daripada perkara yang bertentangan. Keikhlasan merupakan perbuatan manusia yang sukar dilakukan dan pastinya keikhlasan ini hadir dalam diri individu itu apabila hatinya benar-benar tulus kerana Allah S.W.T. Hanya keimanan seseorang itu sahaja yang mampu membezakan sesuatu pekerjaan yang dilakukan semata-mata ikhlas kepada Allah S.W.T atau mengharapkan pembalasan dari seseorang.

Imam al-Ghazali (1988: 59) juga menyatakan ubat kepada keikhlasan ialah dengan meninggalkan kelebihan diri, membuang tamak kepada dunia dan mengabdikan diri kepada akhirat serta bersungguh-sungguh untuk merasa ikhlas. Melalui pendefinisian tersebut nilai ikhlas adalah amalan hati yang tulus dan berserah semata-mata mengharapkan keredaan Allah S.W.T.

Setiap amalan yang dilakukan oleh hamba-Nya bergantung pada niat dan amalan yang mempunyai niat ikhlas akan diterima Allah S.W.T. Allah S.W.T menyeru sekalian manusia untuk berjuang menegakkan agama-Nya dengan seikhlasnya demi mendapatkan kebahagiaan di akhirat kelak. Bagi menjelaskan nilai ikhlas ini akan diberi contoh daripada komik *DP* menggambarkan nilai ikhlas:

Aktiviti di rumah orang tua-tua tersebut dilakukan secara sukarela. Selain mengemas mereka juga telah melayan warga tua itu dengan ikhlas.

Cikgu: Baiklah selepas bersihkan diri, kita akan hidangkan makan tengah hari.

Mereka semua telah melayan kesemuanya dengan penuh kemesraan.

Mei Mei: Nenek, mari saya suapkan.

Nenek: terima kasih cu.

Pekaka: Atuk nak nasi lagi?

Atuk: Atuk dah kenyang, cu.

(Jun, 2013: 53)

Situasi di atas jelas memperlihatkan nilai ikhlas melalui watak Mei Mei dan Pekaka yang berusaha menggembirakan warga tua di rumah kebajikan. Kerja-kerja pembersihan yang dilakukan secara suka rela di sekitar rumah memberikan suasana yang ceria kepada penghuni rumah kebajikan tersebut. Selain itu, Mei Mei juga melayan orang tua di situ dengan ramah apabila menyuapkan mereka makanan ketika waktu makan tengah hari. Hal ini telah mencerminkan nilai ikhlas dalam setiap perbuatan yang dilakukan semasa di rumah orang tua. Aktiviti amal ini dilihat sebagai salah satu usaha untuk menanam nilai keikhlasan dalam diri sekali gus memberi gambaran positif dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai ikhlas juga dilihat sebagai memberi kebaikan kepada manusia.

### **Amanah**

Secara umumnya, amanah dapat dikaitkan dengan kepercayaan seseorang kepada individu yang lain untuk melakukan sesuatu hal mahupun perkara bagi pihak dirinya. Nilai amanah ini juga boleh dikaitkan dengan perbuatan yang benar seperti yang diterangkan Imam al-Ghazali dalam kitabnya. Benar menurut Imam al-Ghazali (1988: 74) ialah sifat yang berlawanan dengan dusta dan dipastikan bahawa amanah juga merupakan sifat yang bertentangan dengan dusta. Amanah merupakan suatu amalan yang sukar untuk dilaksanakan namun tahap keimanan seseorang itu mampu menjadikan seseorang hamba-Nya teguh dalam menjalankan amanah yang ditanggungnya.

Amanah bukan sahaja dilihat kepada kepercayaan manusia kepada individu lain namun amanah juga dapat diertikan sebagai menunaikan kewajipan kepada Allah S.W.T dengan melakukan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Selain itu, menjaga keamanan di muka bumi juga merupakan amanah bagi setiap manusia. Pencemaran, kemusnahan mahupun

pembunuhan amat ditegah Allah S.W.T bagi menjaga kelestarian alam. Bagi menjelaskan nilai amanah ini terdapat contoh daripada komik *DP* berkaitan nilai amanah:

Ramesh: Awak baru lepas jogging ya?  
Pekaka: Taklah.. saya cari hadiah yang tercicir.  
Ketika itu datang seorang budak lelaki mencari Pekaka untuk memulangkan kembali hadiah yang ditemui.  
Budak lelaki: Bolehkah saya jumpa Pekaka? Saya jumpa hadiah ini dekat pintu masuk tadi.  
Pekaka: Oh... terima kasih banyak-banyak.  
Budak lelaki: Sama-sama.

(Mei, 2013: 53)

Petikan itu memperlihatkan nilai amanah melalui watak budak lelaki. Pekaka berasa cemas apabila hadiah hari gurunya telah hilang. Dia berusaha mencari hadiahnya di sekitar kawasan sekolah namun gagal sehinggalah seorang budak lelaki datang mencarinya di kelas dan menyerahkan hadiah yang ditemui kepada Pekaka. Perbuatan ini menyerlahkan nilai amanah yang wujud dalam diri budak lelaki itu apabila beliau berjaya menyerahkan hadiah kepunyaan Pekaka. Jelas menunjukkan budak lelaki itu melaksanakan nilai amanah yang akhirnya memberi kebaikan kepada dirinya sendiri apabila Pekaka sendiri menghargai perbuatan budak lelaki itu. Situasi ini telah memperlihatkan ilustrasi watak budak lelaki mengembalikan hadiah Pekaka yang dijumpainya.

### KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap komik *Di dan Pi*, dan komik *DP* pada tahun 2012, tahun 2013 serta tahun 2014 jelas dibuktikan bahawa medium komik sememangnya mempunyai nilai Islam yang dapat mendidik, membentuk dan membina sahsiah diri masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja. Analisis yang dibahagikan kepada hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) dan hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*) dalam kajian ini telah memperlihatkan bahawa hubungan manusia dengan manusia lebih mendominasi kandungan komik tersebut. Dengan contoh nilai Islam yang lebih terarah kepada hubungan manusia dengan manusia ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti keterbatasan bahasa dan jumlah perkataan yang sedikit dalam medium komik telah menjadi kekangan untuk menonjolkan hubungan manusia dengan Allah.

Lantaran itu, pengukuhan yang dibuat menggunakan kitab *Ihya Ulumiddin* karangan Imam al-Ghazali telah menguatkan lagi hujah tentang ketepatan nilai ini dengan penerapan empat bahagian (*rubu'*). Dapat difahami bahawa seluruh agama yang ada di muka bumi menganjur kepada kebaikan serta membentuk ke arah perpaduan umat sejagat namun penggunaan hadis dan al-Quran ini menjadi asas bahawa nilai-nilai sebenarnya hadir bersama Islam dan pastinya merupakan nilai yang datang daripada Allah S.W.T. Dengan penerapan pecahan daripada kerangka kitab *Ihya Ulumiddin* ini telah memberi kefahaman untuk membezakan antara hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia yang mana dilihat secara jelas sesuatu perbuatan itu lebih mengarah kepada hubungan manusia

dengan manusia atau dengan Allah S.W.T seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian analisis.

Penerapan Teori Takmilah dalam kajian ini juga dijadikan sebagai asas kajian yang mana pembinaan teori ini mempunyai pertalian dengan Tauhid kerana ketujuh-tujuh prinsip ini menggariskan hubungan manusia dengan Allah (*habl' min Allah*) yang bersifat *vertical* dan hubungan manusia dengan manusia (*habl' min al-Nas*) yang bersifat *horizontal*. Ini membuktikan bahawa kesahihan nilai tersebut berada pada landasannya seperti dapat dilihat dalam analisis di atas.

### RUJUKAN

- Fadzilah Abd. Rahman, 2012. Penggunaan Komik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Pelita Bahasa*, Julai.12-17.
- Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 1*. 1988. Ismail Yakub (ed). Kuala Lumpur: Victor Agensi.
- Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 2*. 1988. Ismail Yakub (ed). Kuala Lumpur: Victor Agensi.
- Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 3*. 1988. Ismail Yakub (ed). Kuala Lumpur: Victor Agensi.
- Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 4*. 1988. Ismail Yakub (ed). Kuala Lumpur: Victor Agensi.
- Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 5*. 1988. Ismail Yakub (ed). Kuala Lumpur: Victor Agensi.
- Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 6*. 1988. Ismail Yakub (ed). Kuala Lumpur: Victor Agensi.
- Ihya Ulumiddin Jiwa Agama Jilid 7*. 1988. Ismail Yakub (ed). Kuala Lumpur: Victor Agensi.
- Imuda. 2012. Di dan Pi. *Majalah Dewan Pelajar*. Ogos. 34-35.
- Imuda. 2013. Di dan Pi. *Majalah Dewan Pelajar*. Mei. 34-35.
- Imuda. 2013. Di dan Pi. *Majalah Dewan Pelajar*. Julai. 34-35.
- Imuda. 2014. Di dan Pi. *Majalah Dewan Pelajar*. Mei. 34-35.
- Kamariah Kamarudin. 2011. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N. Maza, Emylia. 2013. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Januari. 52-53.
- N. Maza, Emylia. 2013. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Februari. 52-53.
- N. Maza, Laila. 2013. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Mei. 52-53.
- N. Maza, Laila. 2013. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Mei. 52-53.
- N. Maza, Laila. 2013. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Jun. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia. 2013. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Oktober. 52-53.
- N. Maza, Kak Lia. 2014. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Julai. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin. 2012. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Julai. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin. 2012. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Ogos. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin. 2013. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. Mac. 52-53.
- N. Maza, Pok Lin. 2012. Komik DP. *Majalah Dewan Pelajar*. November. 52-53.
- Nilai-Nilai Islam dalam Teromba*. 2007. Mohd Rosli Saludin. Penang: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Nor Azleenda Abdul Hadi. 2012. Komik Bukan Sekadar Bahan Bacaan Picisan. *Pelita Bahasa*. Julai. 3.
- Nor Asma Ab Aziz dan Muhd Norizam Jamian. 2016. Akhlak Pemimpin dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab*. *Jurnal Melayu*. Bil. 15 (1): 56.



*Jurnal Melayu*  
Bil. 17 (1) 2018

- Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum KBSM*. 1993. Abd. Rahim Abd. Rashid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perkembangan Sastera Kanak-Kanak di Malaysia*. 2005. Md Sidin Ahmad Ishak. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Ruzaini Awang. 2012. Komik Bahan Bantu Mengajar. *Pelita Bahasa*. Julai. 8-13.
- Sidek Baba. 2003. Pendekatan Integratif Nilai-Nilai Islam dalam Sistem Pendidikan. *Pemikir*. Oktober-Disember. 125-139.
- Siti Ezaleila Mustafa dan Shahrul Nazmi Sannusi. 2012. Majalah sebagai Bahan Bacaan Kanak-Kanak: Analisis Elemen Editorial terhadap *Kuntum*, *E-Baca* dan *Ana Muslim*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*.
- Syarimie Wosley. 2013. Industri Komik Digital Online Mampu Melonjak Ekonomi Malaysia. Muat turun 15 Mac 2018, dari <http://umkeprints.umk.edu.my/1768/1/News%2074.pdf>.
- Yusaida Yusof dan Ruzaiti Abdul Rani. 2008. Remaja Gemar Bacaan Ringan. *Dewan Siswa*. November. 14.

**Biodata Penulis:**

**Mohd Shukrey Ahmad**

Penulis merupakan pelajar Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu.

**Kamariah Kamarudin**

Penulis merupakan Profesor Madya di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Islam dan Penulisan Kreatif.